

Empat portfolio baru Exco S

Oleh Minarni Mat Saad

BH 31 AU6 2000

Pentadbiran Mesra Rakyat dan Pemulihan Hal Ehwal Bekas Tentera dan Polis antara empat portfolio baru

SHAH ALAM, Rabu - Menteri Besar, Dr Mohamad Khir Toyo, mengumumkan rombakan hampir semua portfolio Ahli Exco kerajaan negeri selain memperkenalkan empat tugas baru serta mengekalkan jawatan Timbalan Menteri Besar.

Empat portfolio baru ialah Pentadbiran Mesra Rakyat, Pembangunan Insan, Pemulihan Hal Ehwal Bekas Tentera dan Polis serta Pembangunan Organisasi.

Pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pertamanya selepas dilantik Menteri Besar, Dr Khir turut mengesahkan Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad kekal sebagai Timbalan Menteri Besar serta mempengerusikan beberapa portfolio lain.

Beliau sendiri akan menerajui Jawatankuasa Kewangan dan Belanjawan, Agama Islam dan Pensewastaan Negeri, selain mengetuai portfolio baru Pentadbiran Mesra Rakyat dan Pembangunan Insan.

Dr Zainal Abidin pula diberi tanggungjawab mempengerusikan Jawatankuasa Tetap Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan serta Pendidikan dan Pemulihan Hal Ehwal Bekas Tentera dan Polis.

Berikut ialah senarai

portfolio baru sembilan lagi Exco Selangor:

● Datuk Tang See Hang - Pelaburan dan Perindustrian, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna;

● Datuk Ch'ng Toh Eng - Pembangunan Kampung Baru, Teknologi Maklumat;

● Datuk Abdul Fatah Iskandar - Pembangunan Usahawan, Belia, Industri Kecil dan Sederhana (IKS);

● Datuk K Sivalingam - Perumahan Pekerja Ladang dan Lombong serta Perpaduan;

● Datuk Mohd Sharif Jajang - Infrastruktur, Penerangan dan Tanah Rizab Melayu;

● Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan - Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Setinggan serta Alam Sekitar;

● Norkhaila Jamaluddin - Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Kebudayaan;

● Datuk Raja Ideris Raia Ahmad - Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Perhutanan serta Sukan; dan

● Ir Lum Weng Keong

- Pelancongan, Sains dan Teknologi serta Pembangunan Organisasi.

Dr Khir berkata, rombakan dan pembahagian tugas Exco itu berasaskan jangkaan kemampuan dan kemahiran mereka dalam melaksanakan sesuatu portfolio, kekananan seseorang dan sensitiviti tugas mengikut kaum atau keperluan di sesuatu lokasi.

Beliau memperkenalkan beberapa portfolio baru bagi memantapkan lagi perkhidmatan kepada orang ramai di samping memenuhi kehendak dan keperluan semasa terutama aspek pembangunan insan.

"Saya berharap semua Exco yang sebelum ini sudah berpengalaman akan memberikan perkhidmatan terbaik, termasuk memastikan konsep Mesra Rakyat dilaksanakan dengan berkesan," katanya.

Mengenai jawatan Timbalan Menteri Besar, Dr Khir berkata ia dikekalkan kerana beliau merasakan jawatan itu perlu dan mendapat perkenan Pemangku Raja Selangor, Tuanku Idris Shah.